



EMBARGO: Tidak boleh dicetak atau disiarkan di mana-mana platform media sosial sebelum jam 2 petang, 16 Disember 2025

Untuk Terbitan Media
16 Disember 2025

SIARAN MEDIA

MODUL ADVOKASI KESELAMATAN JALAN RAYA JPJ-PERKESO MENYASARKAN 5 GOLONGAN UTAMA

KUALA LUMPUR: Modul Advokasi Keselamatan Jalan Raya yang dibangunkan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) bersama Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan digunakan sebagai panduan untuk lima golongan sasaran utama.

Golongan sasaran itu merangkumi pelajar, belia, komuniti setempat, pekerja dan pemandu kenderaan berat yang mewakili antara pengguna jalan raya terbesar di negara ini.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed, berkata pembangunan modul ini antara lain menerapkan prinsip-prinsip utama 'Vision Zero' atau sifar kemalangan yang menjadi pegangan sejak dilaksanakan pada 2017.

Katanya, pendekatan ini kemudian disebarluaskan dalam bengkel pembangunan modul bagi tujuan penyelarasan kandungan dan corak penyampaian advokasi supaya konsisten serta berkesan.

"PERKESO sudah lama beralih daripada pendekatan sekadar memberi pampasan faedah kepada aspek pencegahan, selari amalan sistem keselamatan sosial di peringkat antarabangsa.

"Malah, kepentingan pencegahan amat bertepatan dengan prinsip LINDUNG yang digunakan PERKESO, termasuk dalam usaha membendung insiden kemalangan jalan raya.

"Justeru, diharapkan agar modul ini digunakan secara meluas dan konsisten sebagai rujukan standard dalam pelaksanaan program advokasi keselamatan jalan raya di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata demikian selepas penyerahan 100 naskhah Modul Advokasi Keselamatan Jalan Raya PERKESO-JPJ (Edisi Pertama 2025), di sini, hari ini.

Ketua Pengarah JPJ, Dato' Aedy Fadly Ramli, yang turut hadir pada majlis penuh bersejarah itu berkata isu keselamatan jalan raya kekal sebagai keutamaan nasional yang memerlukan peningkatan kesedaran secara berterusan.

Beliau berkata, usaha itu akan ditingkatkan menerusi pembabitkan pelbagai pihak berkepentingan bagi memperkukuh pemahaman dan membentuk tingkah laku pengguna jalan raya yang lebih selamat.

“Modul ini akan menjadi panduan komprehensif untuk lima golongan sasaran utama yang merupakan antara pengguna jalan raya terbesar di negara ini.

“Kerjasama dengan PERKESO juga membolehkan JPJ melaksanakan advokasi lebih bersasar difokuskan kepada komuniti pekerja dan syarikat yang mempunyai kadar insiden lebih tinggi berdasarkan data dan profil syarikat PERKESO.

“Melalui pendekatan ini, program advokasi JPJ dapat sekali gus meningkatkan keberkesanan intervensi pendidikan keselamatan jalan raya,” katanya.

##TAMAT##

Mengenai LINDUNG

LINDUNG ialah penjenamaan semula skim perlindungan keselamatan sosial PERKESO yang dilancarkan pada 22 Ogos 2025 sebagai langkah strategik memperkukuh peranan dalam melindungi rakyat. Pendekatan ini lebih segar, inklusif, mudah diingati dan berimpak tinggi bagi menyampaikan mesej perlindungan sosial secara meluas dan berkesan. Ia bertujuan memperluas capaian, meningkatkan kesedaran serta memperkukuh kepercayaan rakyat terhadap PERKESO sebagai pelindung utama keselamatan sosial. Di bawah penjenamaan ini, Akta 4 dikenali sebagai **LINDUNG PEKERJA**, Akta 800 sebagai **LINDUNG KERJAYA**, Akta 789 (SKSPS) sebagai **LINDUNG KENDIRI**, dan Akta 838 (SKSSR) sebagai **LINDUNG KASIH**. Maklumat lanjut di www.perkeso.gov.my.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

16 Disember 2025

Untuk pertanyaan media, sila hubungi

Iklil Fatihah Kamal Redzuan

+6019-3273193

fatihah.redzuan@perkeso.gov.my

Ridauddin Daud

+6019-3265772

ridauddin.daud@perkeso.gov.my